Journal of Educational Psychology & Counseling, Volume 3 September 2011, Pages 18-35 / ISSN: 2231-735X

Hubungan Antara Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi Dan Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Tiga Kelas Aliran Agama Di Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya

Jamaludin Ramli[1] & Naswa Jusoh[2]
[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK: Tujuan kajian ini ialah untuk: mengenalpasti hubungan sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dalam kalangan pelajar kelas Aliran Agama, dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama. Seramai 108 orang pelajar daripada tiga buah sekolah di daerah Kulaijaya yang dipilih secara rawak mudah dijadikan sampel kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data kajian ialah satu set soal selidik "*Self-Concept Questionnaire* (ASCQ), sementara motivasi akan diukur dengan menggunakan "*Motivated Strategies for Learning Questionnaire"* (MSLQ) dalam versi bahasa Melayu. Manakala soal selidik sikap dan lokus kawalan menggunakan item yang telah digunapakai oleh pengkaji sebelum ini. Instrumen ini mempunyai tingkat kebolehpercayaan 0.648 hasil daripada kajian rintis yang dijalankan kepada dua puluh orang responden. Dalam kajian ini, statistik deskriptif dan korelasi Pearson digunakan untuk analisis data bagi mengenalpasti sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dalam kalangan pelajar. Indikator bagi pencapaian akademik pelajar ialah keputusan Ujian Penilaian Mac. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar.

Katakunci: *Hubungan, Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi, Lokus Kawalan & Pencapaian Akademik*

ABSTRACT: The purpose of this study is to examine the relationship of attitude, self-concept, motivation and locus of control to the academic achievement among the students from religion of stream class. The respondence was selected by using simple random consisted of 108 students from third schools in Kulaijaya picked at random. Assessment instruments used in this study are the "*Self-Concept Questionnaire"* (ASCQ) and "Motivated Strategies for Learning Questionnaire" (MSLQ) in Malay version. While assessment instrument for attitudes and locus of control used was created by researcher. The reliability level of the assessment instruments is 0.648 got from pilot study done in group of twenty respondence. Descriptive statistic and Pearson's correlation were used to analyse the data. Student's level of attitude, self-concept, motivation and locus of control to the academic achievement. Students results test are use as the academic achievement indicator. The results indicated that attitude, self-concept, motivation and locus of control was not found to correlate at a significant level with academic achievement.

Keywords: *Relationship, Attitude, Self-Concept, Motivation, Locus Of Control & Academic Achievement*

1.0 PENGENALAN

Pada umumnya semua pelajar yang normal menginginkan pencapaian akademik yang baik. Pencapaian atau kegagalan dalam pelajaran yang dialami oleh seseorang pelajar akan memberikannya pengalaman yang baik atau sebaliknya. Pencapaian akademik menjadi kayu ukur kepada kejayaan diri seseorang individu. Pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan merupakan indikator kejayaan seseorang pelajar dalam pelajaran. Pencapaian akademik yang cemerlang merupakan satu pengharapan dan kebanggaan bagi seseorang pelajar.

Sikap mencerminkan peribadi seseorang individu. Daripada sikap yang ditonjolkan, seseorang itu dinilai sama ada dia adalah tergolong dalam individu yang rajin, pemalas, berketerampilan atau sebagainya. Sikap diertikan sebagai suatu jalan pemikiran atau tingkahlaku, sifat serta perlakuan seseorang. Dalam konteks ini, sikap lebih jelas didefinisikan sebagai satu penilaian umum yang tidak berubah dari segi masa di mana ia berlaku terhadap diri sendiri, orang lain, sesuatu objek ataupun perkara-perkara penting yang berkaitan. Sikap adalah berhubung kait dengan tingkah laku yang merupakan metodologi penting dan mempunyai kebaikan secara teori (Azizi *et al*, 2005).

Manakala motivasi dilihat sebagai faktor utama memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam seperti PMR, SPM dan STPM. Sekolah-sekolah sanggup berbelanja beribu ringgit untuk mengadakan kursus-kursus motivasi untuk pelajar-pelajarnya. Para ibu bapa juga sanggup membayar beratus ringgit untuk menghantar anak mereka menyertai kursus-kursus motivasi sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan besar. Ee Ah Meng (1997) menyatakan istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin '*movere'* yang bermakna 'menggerakkan'.

Konsep kendiri merupakan keseluruhan pandangan seseorang terhadap dirinya. Konsep ini terbentuk sejak dari kecil dan berkembang dari masa ke semasa melalui proses penilaian kendiri. Sehubungan itu, bagaimana ibu bapa berinteraksi, menilai dan menghargai anak-anak akan memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan konsep kendiri mereka. Konsep kendiri terdiri daripada konsep kendiri bukan akademik, konsep kendiri akademik bahasa inggeris dan konsep kendiri akademik matematik. Menurut Eggen & Kauchak (1994) pula, konsep kendiri terdiri dari konsep kendiri akademik, konsep kendiri sosial dan konsep kendiri fizikal. Konsep kendiri yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah konsep kendiri akademik. Hal ini kerana skop kajian hanya berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran.

Mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman berpendapat bahawa mereka bertanggungjawab kepada kehidupan mereka sendiri dan akan melakukan apa yang mereka rasa sesuai untuk diri mereka sendiri. Mereka mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang lebih sihat dan mempunyai kemahiran sosial yang lebih baik. Mereka mempunyai ibu bapa yang sering memberikan pujian, memberi sokongan kepada segala apa yang mereka lakukan dan tidak bersikap autoritatif. Dalam kajian ini, lokus kawalan dalaman merupakan aspek yang dikaji.

Secara keseluruhannya, pendidikan adalah proses transmisi ilmu pengetahuan yang berlaku secara evolusi sepanjang hayat. Ilmu pengetahuan tidak akan mudah dicapai dalam tempoh yang singkat. Ia memerlukan cita-cita, strategi jangka panjang dan disiplin yang tinggi. Pendidikan perlu mempunyai matlamat dan kesan jangka panjang. Kajian ini meneroka hubungan antara sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dengan pencapaian akademik, di kalangan pelajar kelas aliran agama sekolah menengah di daerah Kulaijaya.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Pencapaian akademik pelajar sangat mempengaruhi reputasi sesebuah sekolah. Prestasi pencapaian akademik pelajar adalah berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada purata nilai gred yang tertinggi yang dapat dikumpul. Dewasa ini, persaingan yang hebat dalam dunia globalisasi menyebabkan sistem pendidikan sentiasa ditingkatkan dan diperlkemaskan dari semasa ke semasa bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Sepertimana yang diketahui umum, pelajar-pelajar sekarang dilingkari dan dikelilingi dengan pelbagai isu yang menyumbang kepada kemerosotan prestasi atau pencapaian akademik mereka. Segelintir pelajar-pelajar pada hari ini terlibat dengan gejala sosial yang sangat membimbangkan. Ini disebabkan pengaruh-pengaruh daripada luar yang negatif cuba diikuti dan dicontohi oleh pelajar tanpa memikirkan kesannya. Selain itu, sikap pelajar yang tidak berdisiplin, sering ponteng sekolah, merokok dan pergaulan bebas juga menyumbang kepada kemerosotan akademik.

Tambahan lagi, aspek motivasi, konsep kendiri dan lokus kawalan yang rendah atau kurang menyumbang kepada permasalahan yang perlu ditangani segera daripada peringkat ibubapa sehingga kerajaan. Bagi melahirkan pelajar-pelajar berdisiplin, bermoral, mempunyai sahsiah yang baik dan berbudi bahasa, aspek dalaman individu perlu diterokai dan dibantu.

Tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian atau kecemerlangan, PMR, SPM dan STPM merupakan ukuran yang menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Justeru, pencapaian akademik para pelajar sangat diperlukan bagi kesejahteraan hidup. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan adalah alat bagi pembangunan individu dan seterusnya pembangunan masyarakat dan Negara. Matlamat pendidikan Negara kita jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Keputusan peperiksaan kerajaan seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM merupakan ukuran yang menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Justeru, masyarakat memandang tinggi dan berebut-rebut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang berjaya ini. Ini disebabkan sekolah yang berjaya menghasilkan output yang mencapai kecemerlangan akademik dikatakan sekolah yang berkesan atau efektif.

Menerusi akhbar Berita Harian bertarikh 26 November 2008, "penubuhan USIM selaras dengan komitmen kerajaan untuk memastikan tiada golongan dipinggirkan daripada arus pembangunan perdana dan ia terbukti apabila universiti itu kini menyediakan tempat kepada lebih 4,000 pelajar yang kesemuanya lepasan sekolah aliran agama". Dalam akhbar Utusan Malaysia pada tarikh yang sama, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga ada menyatakan perkara yang sama dimana USIM menawarkan 4,000 tempat untuk para pelajar melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi dan lebih penting lagi, kesemua daripada pelajar USIM adalah di kalangan para pelajar sekolah aliran agama. Jelas kini masa depan dan halatuju pendidikan pelajar KAA terbuka luas.

Seharusnya setiap pelajar menyedari akan kepentingan kecemerlangan akademik. Sekiranya pelajar mahu menjadi insan yang cemerlang apabila dewasa kelak, mereka mestilah cemerlang dalam bidang akademik. Setiap pelajar harus menyedari tiada siapa yang dapat mengubah nasib mereka melainkan diri mereka sendiri. Pelajar tidak boleh mengharapkan orang lain membantu mereka untuk cemerlang jika mereka sendiri tidak mahu cemerlang.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Setiap pelajar mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza-beza. Sebahagian daripada mereka mempunyai motivasi yang tinggi yang membolehkan mereka memperolehi pencapaian yang tinggi. Menurut Heckhausen (dalam Habibah, 1990) individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan menunjukkan kesungguhan dan usaha yang lebih dalam tugas-tugas yang mencabar berbanding dengan individu yang rendah motivasinya. Pelajar yang bermotivasi tinggi melakukan sesuatu tugasan sama ada untuk memperolehi kepuasan pencapaian yang dapat dibanggakan atau untuk mendapat ganjaran seperti pujian daripada guru dan ibu bapa atau untuk mengelak sebarang hukuman.

Prestasi dalam pencapaian akademik pelajar adalah berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada purata nilai gred yang tertinggi yang dapat dikumpul. Pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) seringkali menunjukkan prestasi akademik yang kurang cemerlang berbanding dengan pelajar bukan daripada Kelas Aliran Agama. Ini dapat dibuktikan dalam keputusan peperiksaan akhir tahun 2010 dan Ujian Mac 2011. Faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada situasi ini adalah terdiri daripada komponen sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan.

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, maka satu kajian mengenai hubungan sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama perlu dijalankan di tiga buah sekolah menengah di daerah Kulaijaya. Oleh yang demikian, adalah tepat untuk mengkaji sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan sebagai sumber kepada masalah pencapaian akademik.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian secara khususnya adalah seperti berikut:-

i. Mengenalpasti sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dalam kalangan pelajar.pelajar Kelas Aliran Agama.
ii. Mengenalpasti hubungan sikap dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama.
iii. Mengenalpasti hubungan konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama.
iv. Mengenalpasti hubungan motivasi dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama.
v. Mengenalpasti hubungan lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama.

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis nol 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar.

6.0 SOROTON KAJIAN

6.1 Kajian Tentang Kepentingan Sikap Dengan Pencapaian Akademik

NurAshiqin (2004) telah mengkaji tentang sikap pelajar matrikulasi terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris di Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini ingin melihat sama ada terdapat perbezaan sikap dari dimensi kognitif, afektif dan tingkahlaku terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris pelajar-pelajar kolej matrikulasi mengikut jantina, bangsa dan jurusan. Responden kajian adalah terdiri daripada 404 orang pelajar kolej matrikulasi. Analisis statistik yang digunakan ialah ujian-t, ANOVA satu hala dan juga korelasi Spearman dalam menguji hipotesis-hipotesis yang dibentuk.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris di antara jantina. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap dalam dimensi tingkahlaku bagi bangsa dan jurusan. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pencapaian matematik. Implikasi kajian menunjukkan bahawa semakin positif sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris semakin tinggi pencapaian mereka.

Siti Meriam dan Zanaton (2002) pula menjalankan kajian mengenai motivasi pelajar aliran Sains di Sekolah Agama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terhadap pembelajaran dwikurikulum mendapati pencapaian sesuatu kejayaan berpunca daripada sikap pelajar sendiri serta motivasi daripada ibu bapa dan guru.

6.2 Kajian Tentang Kepentingan Motivasi Dengan Pencapaian Akademik

Kajian oleh Lee (1997) yang melaporkan hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pemboleh ubah lain. Dapatan kajian mengenai motivasi dalam bidang pendidikan secara konsisten menunjukkan hubungan yang positif antara motivasi dengan prestasi akademik.

Kajian lepas juga menunjukkan wujudnya hubungan secara langsung dan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian (Lee 1997) dan kemungkinan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pembolehubah metakognisi (Van Zile-Tamsen 1998; Covington 2000). Selain itu, beberapa konstruk motivasi seperti efikasi kendiri dan orientasi matlamat pembelajaran juga dikatakan menyumbang kepada hubungan antara metakognisi dengan pencapaian akademik (Pintrich & DeGroot 1990).

6.3 Kajian Tentang Kepentingan Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik

Azizi Yahaya *et. al* (2008) telah mengkaji tentang hubungan di antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi terhadap pencapaian akademik pelajar Sekolah Menengah di Johor Bahru. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal terhadap pencapaian akademik pelajar. Seramai 320 orang pelajar daripada lapan buah sekolah di daerah Johor Bahru telah dipilih secara rawak dijadikan sampel dalam kajian ini. Konsep kendiri pelajar yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah sama ada positif, sederhana atau negatif. Tahap kemahiran komunikasi interpersonal pelajar yang dilihat dalam kajian ini ialah sama ada tahap tinggi, sederhana atau rendah. Indikator bagi pencapaian akademik pelajar ialah keputusan peperiksaan PMR.

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai konsep kendiri dan kemahiraan komunikasi interpersonal sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal tetapi tidak menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik.

Kajian oleh Bailey dan rakan-rakan (1964 dalam Azizi), mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajiannya membuktikan, pelajar yang berprestasi baik dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan konsep kendiri positif. Sebaliknya, pelajar yang prestasi lemah dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan konsep kendiri negatif.

Ashman & Elkins (1990 dalam Azizi) pula menjalankan kajian ke atas kanak-kanak yang menghadapi kesukaran pembelajaran. Hasil kajiannya mendapati, kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran ini mempunyai konsep kendiri yang negatif atau memiliki konsep kendiri yang rendah. Mereka tidak menghargai diri dan tidak memberi satu penilaian yang tinggi pada diri sendiri. Manakala Brookover (1964 dalam Azizi) pula menjalankan kajian ke atas pelajar kolej. Hasil kajiannya memaparkan, terdapat hubungan antara konsep kendiri dengan ramalan pencapaian akademik dan kecerdasan pelajar itu sendiri.

Sebagai ‘pusat personaliti’, pengaruh konsep kendiri meluas ke sebahagian besar tindak balas individu itu. Hasil sorotan ke atas kajian-kajian lepas telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa salah satu pengaruh besar konsep kendiri adalah kepada pencapaian akademik pelajar (Maqsud dan Rauhani, 1991).

Menurut Bailey dan rakan-rakan (1964 dalam Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif) kajian yang dijalankannya ke atas pelajar mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajiannya membuktikan pelajar yang berprestasi baik dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan konsep kendiri positif. Sebaliknya pelajar yang prestasi lemah dalam pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan konsep kendiri negatif.

Brookover (1964 dalam Azizi dan Jaafar Sidek) pula menjalankan kajian ke atas pelajar kolej. Hasil kajiannya memaparkan terdapat hubungan antara konsep kendiri dengan ramalan pencapaian akademik dan kecerdasan pelajar itu sendiri. Coopersmith (1967 dalam Azizi dan Jaafar) dalam kajiannya mendapati kanak-kanak dengan konsep kendiri yang tinggi menunjukkan kecerdasan dan kejayaan dari segi sosial dan akademik. Kajian yang dijalankan oleh Corington dan Beery (1984), menunjukkan bahawa pencapaian pelajar di sekolah adalah bergantung kepada bagaimana perasaannya terhadap dirinya.

6.4 Kajian Tentang Kepentingan Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Akademik

Kajian Howard mendefinisikan lokus kawalan dalaman sebagai setakat mana seseorang usahawan menyedari sebarang situasi yang berlaku kepada dirinya adalah disebabkan oleh perlakuan dan ciri-ciri yang ada pada dirinya. Usahawan yang berjaya adalah individu yang percaya kepada diri sendiri serta tidak mempercayai kejayaan dan kegagalannya adalah disebabkan oleh nasib atau faktor-faktor luaran. Usahawan yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi dimotivasikan oleh pencapaian yang tinggi, keupayaan memegang tanggungjawab dan mempunyai keyakinan diri. Sementara kajian oleh Brockhaus dan Horwitz, mendapati ciri lokus kawalan boleh digunakan bagi membezakan usahawan yang berjaya dengan yang tidak berjaya. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman akan lebih mencuba untuk pencapaian jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai lokus kawalan luaran.

7.0 METOD

7.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian mengenai "Hubungan antara faktor sikap, konsep kendiri, motivasi dan lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya" merupakan satu kajian berbentuk tinjauan. Di dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian yang berbentuk tinjauan dan bersifat kuantitatif.

Segala maklumat dan data yang diperolehi bagi tujuan kajian ini akan diperolehi dengan mengedarkan satu set soal selidik.data yang dikumpul di analisis secara kuantitatif dan deskriptif. Reka bentuk kajian secara deskriptif adalah untuk melihat dapatan secara kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Pada pandangan saya, kajian ini merupakan kajian korelasi yang melihat hubungan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Pungutan data dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah soal selidik digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya di dalam sesuatu kajian (Mohd Najib, 1990).

7.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan terbatas seperti responden dalam kajian ini adalah pelajar menengah atas di tiga buah sekolah di daerah Kulaijaya, Johor Darul Takzim. Rasional tiga buah sekolah dipilih adalah disebabkan, hanya tiga buah sekolah tersebut yang menawarkan penempatan Kelas Aliran Agama (KAA) di daerah yang dikaji. Oleh kerana tiga buah sekolah yang terlibat, maka kajian ini hanya akan dapat digeneralisasikan di daerah Kulaijaya, Johor, sahaja. Ini kerana, pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan fakta bahawa sekolah berkenaan memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian.

Kesimpulannya, pemilihan lokasi kajian ini dibuat adalah disebabkan di dalamnya terdapat populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian dan hasil dapatannya nanti akan dapat menjawab persoalan kajian dengan tepat. Di samping itu, faktor kos dan masa juga di ambil kira dalam kajian ini.

7.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi pelajar bagi ketiga-tiga buah sekolah tersebut ialah seramai 150 orang. Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga Kelas Aliran Agama di tiga buah sekolah di daerah Kulaijaya, Johor yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970/79), merujuk kepada *"Table For Determining Size Of Cases of A Randomly Chosen Sample From A Given Finite Population Of Cases Such That The Sample Proportion p will be within = 0.5 Of The Population p with A 95 percent Level of Confidence".* Maka jumlah sampel yang akan dikaji dalam kajian ini ialah seramai 108 sampel.

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah persampelan secara rawak mudah dengan mengambil kira bilangan populasi pelajar sekolah yang terlibat. Dengan menggunakan prosedur ini, sampel kajian akan dipilih berdasarkan undian yang dijalankan. Ini adalah untuk memastikan kesemua ahli dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Dalam kajian yang akan dijalankan, subjek kajian yang akan di ambil oleh pengkaji ialah pelajar Kelas Aliran Agama yang dipilih secara rawak mudah daripada tingkatan tiga bagi tiga buah sekolah yang telah dikenalpasti. Pemilihan subjek adalah bertujuan untuk menjadikan bilangan subjek seimbang dengan faktor-faktor yang hendak dikaji oleh pengkaji.

7.4 Instrumen kajian

Menurut Majid Konting (1993), soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Soal selidik adalah borang-borang yang mengandungi item-item yang harus dijawab oleh responden. Najib (1990), alat ukur boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu konsep yang dikehendaki dalam sesuatu penyelidikan. Selain daripada itu, sesuatu alat ukur yang digunakan mestilah dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur.

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada 55 item yang merangkumi bahagian A, B, C, D, E dan F. Item 1 hingga 4 merupakan soalan-soalan mengenai profil maklumat diri pelajar tersebut seperti jantina, sekolah, penempatan ke kelas aliran agama dan keputusan UPSR.

Manakala item 5 hingga 19 ialah soal selidik yang meninjau sikap pelajar. Di dalam kajian ini, soal selidik sikap mengandungi lima belas item yang diubahsuai daripada soal selidik tabiat belajar. Selepas diubahsuai, soal selidik ini telah disemak dan dimurnikan oleh guru bahasa dan kajian rintis dilakukan bagi melihat kesesuaian serta kebolehpercayaan instrumen tersebut.

Bagi item 20 hingga 39 ialah soal selidik yang meninjau konsep kendiri pelajar. Bahagian ini mengandungi sebanyak dua puluh item mengenai konsep kendiri. Dalam aspek ini pengkaji menggunakan soal selidik *Self-Concept Questionnaire* (ASCQ).

Item 40 hingga 48 pula mengukur mengenai motivasi. Pembolehubah bebas iaitu motivasi akan diukur dengan menggunakan *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) yang dibangunkan oleh Pintrich et al,1991. Sebanyak sembilan item mengenai motivasi di dalam soal selidik ini. MSLQ adalah instrumen yang mempunyai reliabiliti dan telah digunakan di dalam pelbagai kajian meliputi pelbagai tempat, kawasan dan Negara.

Item 49 hingga 54 mengenai lokus kawalan. Item tersebut mengandungi lima item yang diambil oleh pengkaji daripada soal selidik yang telah dibina dan sedikit perubahan dilakukan. Manakala item 55 mengenai pencapaian akademik.

Soal selidik disusun sedemikian rupa untuk menjawab persoalan kajian yang melibatkan pelajar. Maklum balas pelajar berhubung dengan aspek-aspek yang dinyatakan diukur berdasarkan skala likert. Skala Likert yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kontinum 5 pilihan iaitu 1 "Sangat Tidak Setuju", 2 "Tidak Setuju", 3 "Tidak Pasti", 4 "Setuju" dan 5 "Sangat Setuju".

7.5 Kajian Rintis

Kajian rintis juga dilaksanakan untuk memastikan kefahaman respoden dari segi bahasa dan struktur ayat yang digunakan. Pengkaji telah memilih 20 orang pelajar tingkatan 3 yang mempunyai ciri-ciri dan latar belakang yang sama dengan sampel kajian untuk menjalankan kajian rintis ini. Kajian rintis dilaksanakan pada masa yang tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta waktu peperiksaan. Pelajar yang dipilih tidak terlibat secara langsung dengan kajian ini. Dengan bantuan analisis menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*), set soal selidik yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan 0.648 adalah sederhana tinggi.

8.0 DAPATAN KAJIAN

8.1 Analisis Jantina

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	47	43.5
Perempuan	61	56.5
Jumlah	**108**	**100.0**

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Daripada 108 responden, didapati 47 orang atau 43.5 adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan 61 orang atau 56.5 peratus adalah pelajar perempuan. Dapatan maklumat ini menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan.

8.2 Analisis Deskriptif Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi dan Lokus Kawalan Pelajar

Jadual 2 : Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengenai Sikap Pelajar

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
1.	Saya tidak akan mengulangkaji subjek yang saya tidak suka.	30 (27.8)	27 (25.0)	36 (33.3)	12 (11.1)	3 (2.8)	2.36	10.89
2.	Saya lebih suka menonton tv / video atau mendengar radio walaupun saya tahu saya boleh	9 (8.3)	19 (17.6)	26 (24.1)	40 (37.0)	14 (13.0)	3.29	1.152

	gunakan masa tersebut untuk belajar.							
3.	Saya akan menangguhkan masa untuk belajar sekiranya saya berasa penat.	0 (0)	7 (6.5)	17 (15.7)	66 (61.1)	18 (16.7)	3.88	.758
4.	Saya lebih banyak berbual atau bercerita dengan rakan walaupun saya sepatutnya belajar.	16 (14.8)	21 (19.4)	42 (38.9)	26 (24.1)	3 (2.8)	2.81	1.054
5.	Saya suka tempat yang senyap untuk belajar.	11 (10.2)	6 (5.6)	13 (12.0)	14 (13.0)	64 (59.3)	4.06	1.366
6.	Semasa belajar, kadang-kala saya berkhayal	5 (4.6)	13 (12.0)	36 (33.3)	43 (39.8)	11 (10.2)	3.39	.984
7.	Saya berasa sukar untuk memberi tumpuan semasa belajar.	15 (13.9)	18 (16.7)	37 (34.3)	37 (34.3)	1 (.9)	2.92	1.051
8.	Saya hanya boleh belajar apabila saya ada mood	21 (19.4)	31 (28.7)	20 (18.5)	31 (28.7)	5 (4.6)	2.70	1.209
9.	Saya merasakan bahawa masa belajar terlalu singkat.	10 (9.3)	16 (14.8)	29 (26.9)	40 (37.0)	13 (12.0)	3.28	1.142
10.	Sukar untuk saya mencatat nota semasa guru mengajar di dalam kelas	17 (15.7)	21 (19.4)	38 (35.2)	27 (25.0)	5 (4.6)	2.83	1.115
11.	Saya banyak menghabiskan masa dengan perkara yang tidak penting	12 (11.1)	22 (20.4)	31 (28.7)	32 (29.6)	11 (10.2)	3.07	1.166
12.	Saya yakin dan tahu bila latihan perlu disiapkan	0 (0)	3 (2.8)	8 (7.4)	50 (46.3)	47 (43.5)	4.31	.729
13.	Saya akan cuba membaca semua topik pelajaran secepat mungkin	0 (0)	14 (13.0)	18 (16.7)	47 (43.5)	29 (26.9)	3.84	.968
14.	Saya cuba seboleh mungkin menggunakan catatan yang telah saya buat	0 (0)	3 (2.8)	15 (13.9)	51 (47.2)	39 (36.1)	4.17	.767
15.	Saya rasa bersalah jika tidak menyiapkan kerja sekolah	1 (.9)	6 (5.6)	3 (2.8)	70 (64.8)	28 (25.9)	4.09	.768

Min keseluruhan: 3.40

Sisihan piawai keseluruhan: 0.0246

Jadual 2 di sebelah menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai sikap pelajar. Soal selidik yang digunakan mempunyai skala Likert lima point dari “1” hingga “5”. Kesemua item dalam instrumen mengukur sikap ini mempunyai min yang tinggi dengan julat 2.36 hingga 4.31 serta min dan sisihan piawai keseluruhan ialah masing-masing 3.40 dan 0.0246.

8.3 Analisis Deskriptif Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi dan Lokus Kawalan Pelajar

Jadual 3 : Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengenai Konsep Kendiri Pelajar

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	MIN	SP
16.	Saya boleh mengikuti pelajaran dengan mudah	0 (0)	8 (7.4)	30 (27.4)	56 (51.9)	14 13.0	3.70	.788
17.	Saya banyak berkhayal di dalam kelas	11 (10.2)	28 (25.9)	31 (28.7)	34 (31.5)	4 (3.7)	2.93	1.065
18.	Saya boleh membantu rakan-rakan sekelas menyiapkan tugasan mereka	6 (5.6)	11 (10.2)	30 (27.8)	51 (47.2)	10 (9.3)	3.44	.989
19.	Saya selalu membuat kerja rumah tanpa berfikir	35 (32.4)	16 (14.8)	35 (32.4)	12 (11.1)	10 (9.3)	2.50	1.301
20.	Jika saya bekerja keras,saya yakin saya boleh masuk Politeknik atau Universiti	0 (0)	0 (0)	2 (1.9)	30 (27.8)	76 (70.4)	4.69	.505
21.	Saya memberi tumpuan sewaktu guru mengajar	1 (.9)	3 (2.8)	15 (13.9)	68 (63.0)	21 (19.4)	3.97	.729
22.	Kebanyakkan kawan sekelas saya lebih bijak daripada saya	0 (0)	3 (2.8)	21 (19.4)	58 (53.7)	26 (24.1)	3.99	.743
23.	Saya belajar bersungguh-sungguh untuk ujian dan peperiksaan	5 (4.6)	4 (3.7)	13 (12.0)	40 (37.0)	46 (42.6)	4.09	1.055
24.	Guru saya merasakan saya lemah dalam pelajaran	4 (3.7)	18 (16.7)	44 (40.7)	37 (34.3)	5 (4.6)	3.19	.901
25.	Saya selalu minat terhadap tugasan sekolah	6 (5.6)	7 (6.5)	37 (34.3)	47 (43.5)	11 (10.2)	3.45	.961
26.	Saya seringkali terlupa apa yang telah saya pelajari.	3 (2.8)	12 (11.1)	28 (25.9)	49 (45.4)	16 (14.8)	3.58	.968
27.	Saya mahu melakukan yang terbaik untuk lulus dalam semua subjek	3 (2.8)	2 (1.9)	3 (2.8)	20 (18.5)	80.1 (74)	4.59	.865
28.	Saya berasa takut apabila ditanya oleh guru	12 (11.1)	22 (20.4)	51 (47.2)	20 (18.5)	3 (2.8)	2.81	.958
29.	Saya seringkali berfikir untuk berhenti sekolah	67 (62.0)	17 (15.7)	15 (13.9)	2 (1.9)	7 (6.5)	1.75	1.169
30.	Saya sangat bijak dalam semua mata pelajaran di sekolah	7 (6.5)	26 (24.1)	64 (59.3)	10 (9.3)	1 (.9)	2.74	.753
31.	Saya selalu menunggu sehingga sesi pelajaran tamat	6 (5.6)	18 (16.7)	36 (33.3)	31 (28.7)	17 (15.7)	3.32	1.101
32.	Saya selalu mendapat markah yang rendah dalam ujian	9 (8.3)	16 (14.8)	54 (50.0)	25 (23.1)	4 (3.7)	2.99	.932
33.	Saya tidak mudah putus asa apabila berhadapan dengan soalan yang susah	5 (4.6)	6 (5.6)	21 (19.4)	50 (46.3)	26 (24.1)	3.80	1.021
34.	Saya boleh melakukan yang terbaik berbanding kawan saya dalam kebanyakkan subjek	4 (3.7)	6 (5.6)	52 (48.1)	37 (34.3)	9 (8.3)	3.38	.862
35.	Saya tidak mahu berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran	58 (53.7)	15 (13.9)	21 (19.4)	11 (10.2)	3 (2.8)	1.94	1.183

Min keseluruhan: 3.3425
Sisihan piawai keseluruhan: 0.0099

Jadual 3 menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai konsep kendiri pelajar. Soal selidik yang digunakan mempunyai skala Likert lima point dari "1" hingga "5". Kesemua item dalam instrumen mengukur konsep kendiri ini mempunyai min antara julat 1.75 hingga 4.69 serta min dan sisihan piawai keseluruhan ialah masing-masing 3.3425 dan 0.0099

8.4 Analisis Deskriptif Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi dan Lokus Kawalan Pelajar

Jadual 4 : Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengenai Motivasi Pelajar

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	MIN	SP
36.	Saya mahu mendapat keputusan yang lebih baik daripada pelajar lain.	2 (1.9)	0 (0)	2 (1.9)	14 (13.0)	90 (83.3)	4.76	.668
37.	Saya ingin melakukan yang terbaik di dalam kelas	0 (0)	0 (0)	2 (1.9)	15 (13.9)	91 (84.3)	4.82	.429
38.	Ketepatan belajar. Saya boleh belajar secara praktikal.	2 (1.9)	4 (3.7)	30 (27.8)	42 (38.9)	30 (27.8)	3.87	.928
39.	Saya lebih suka topik yang membangkitkan rasa ingin tahu.	4 (3.7)	3 (2.8)	23 (21.3)	42 (38.9)	36 (33.3)	3.95	.999
40.	Saya berpuashati dengan cuba untuk memahami isi kandungan pelajaran	2 (1.9)	2 (1.9)	9 (8.3)	63 (58.3)	32 (29.6)	4.12	.782
41.	Isi pelajaran sangat penting dipelajari	3 (2.8)	4 (3.7)	11 (10.2)	59 (54.6	31 (28.7)	4.03	.891
42.	Saya fikir soalan yang saya tidak boleh jawab	1 (.9)	3 (2.8)	14 (13.0)	58 (53.7)	32 (29.6)	4.08	.787
43.	Saya berminat dengan semua subjek.	1 (.9)	1 (.9)	24 (22.2)	62 (57.4)	20 (18.5)	3.92	.526
44.	Saya rasa sangat lemah dalam apa yang saya lakukan	15 (13.9)	24 (22.2)	36 (33.3)	19 (17.6)	14 (13.0)	2.94	1.217

Min keseluruhan: 4.0544
Sisihan piawai keseluruhan: 0.0386

Jadual 4 menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai motivasi pelajar. Soal selidik yang digunakan mempunyai skala Likert lima point dari "1" hingga "5". Kesemua item dalam instrumen mengukur motivasi ini mempunyai min yang tinggi dengan julat 2.94 hingga 4.82 serta min dan sisihan piawai keseluruhan ialah masing-masing 4.0544 dan 0.0386.

8.5 Analisis Deskriptif Sikap, Konsep Kendiri, Motivasi dan Lokus Kawalan Pelajar

Jadual 5 : **:** Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengenai Lokus Kawalan Pelajar

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	MIN	SP
45.	Memang saya yang patut disalahkan jika saya tidak mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.	3 (2.8)	7 (6.5)	15 (13.9)	38 (35.2)	45 (41.7)	4.06	1.035
46.	Keputusan peperiksaan yang saya peroleh berkait rapat dengan usaha yang saya berikan.	1 (.9)	0 (0)	9 (48.1)	52 (48.1)	46 (42.6)	4.31	.706
47.	Walaupun saya membuat persiapan yang rapi untuk peperiksaan, saya tidak yakin boleh mendapat keputusan yang baik.	12 (11.1)	12 (11.1)	46 (42.6)	28 (25.9)	10 (9.3)	3.11	1.088
48.	Persediaan yang rapi sebelum peperiksaan akan menjamin kejayaan saya dalam peperiksaan.	0 (0)	0 (0)	6 (5.6)	28 (25.9)	74 (68.5)	4.63	.591
49.	Kejayaan dalam peperiksaan sebelum ini adalah disebabkan usaha saya yang berterusan.	0 (0)	0 (0)	17 (15.7)	47 (43.5)	44 (40.7)	4.25	.712
50.	Secara keseluruhan, saya dapat mengawal keputusan ujian atau peperiksaan yang bakal saya peroleh.	0 (0)	5 (4.6)	26 (24.1)	40 (37.0)	37 (34.3)	4.01	.881

Min keseluruhan: 4.0616
Sisihan piawai keseluruhan: 0.0688

Jadual 5 menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai lokus kawalan pelajar. Soal selidik yang digunakan mempunyai skala Likert lima point dari “1” hingga “5”. Kesemua item dalam instrumen mengukur lokus kawalan ini mempunyai min yang tinggi dengan julat 4.01 hingga 4.63 serta min dan sisihan piawai keseluruhan ialah masing-masing 4.0616 dan 0.0688

8.6 Analisis Hubungan Sikap Dengan Pencapaian Akademik.

Hipotesis pertama : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 6 : Hubungan Antara Sikap Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan pemboleh ubah bebas	Nilai Korelasi r	P
Sikap pelajar	.016	.868

atau P<0.05

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, dapatan kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar iaitu atau r=0.16, P<.868. Dengan yang demikian, hipotesis nol pertama yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar diterima.

8.7 Analisis Hubungan Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik

Hipotesis kedua : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar

Jadual 7 : **:** Hubungan antara Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan pemboleh ubah bebas	**Nilai Korelasi r**	**P**
Konsep Kendiri Pelajar	.127	.191

atau P<0.05

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik iaitu atau r=.127, P<.191. Dengan yang demikian, hipotesis nol kedua yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar diterima.

8.8 Analisis Hubungan Motivasi Dengan Pencapaian Akademik

Hipotesis Ketiga : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar

Jadual 8 : **:** Hubungan antara Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan pemboleh ubah bebas	**Nilai Korelasi r**	**P**
Motivasi pelajar	.008	.937

atau P<0.05

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik iaitu atau r=.008, P<.937. Dengan yang demikian, hipotesis nol ketiga yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar diterima.

8.9 Analisis Hubungan Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Akademik

Hipotesis Keempat : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar

Jadual 8 : Hubungan antara Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan pemboleh ubah bebas	**Nilai Korelasi r**	**P**
Lokus kawalan pelajar	.114	.241

atau p<0.05

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik iaitu atau r=.114, P<.241. Dengan yang demikian, hipotesis nol keempat yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar diterima.

9.0 PERBINCANGAN

9.1 Sikap Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik

Hasil dapatan analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar. Dengan yang demikian, hipotesis nol pertama yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar diterima. Hal ini berlaku kerana, sikap individu adalah berubah-ubah dan tidak konsisten yang menyebabkan seseorang individu menganggap sesuatu perkara itu mudah termasuk juga peperiksaan adalah perkara yang normal dan semua orang boleh mendudukinya. Maka mereka tidak bersungguh-sungguh dalam menjawab soalan sewaktu peperiksaan.

Beberapa orang pengkaji telah menjalankan kajian tentang sikap dan mendefinisikannya sebagai elemen yang kecil tetapi segala-galanya bermula darinya. Ini bermaksud, sikap menentukan seluruh perjalanan hidup seseorang manusia. Sikap dianggap sebagai suatu keadaan roh yang mudah mantap yang menghasilkan sesuatu tindakan mudah tanpa sebarang pertimbangan dan kiraan. Sekiranya keadaan roh yang mantap menghasilkan tindakan yang baik, maka sikap itu dikatakan baik. Sebaliknya, jika keadaan roh yang mantap itu menghasilkan tindakan yang buruk, maka sikap itu dikatakan buruk ataupun tidak baik.

Berdasarkan dapatan analisis dalam kajian ini, maka adalah tepat untuk menerima hipotesis nol bahawa tiada hubungan antara sikap dengan pencapaian adalah tepat. Ini kerana, sikap merupakan sesuatu yang tidak semulajadi. Sikap diperolehi dan bukanlah bersifat sejadi (diperolehi melalui perwarisan baka). Justeru, tidak semua sikap akan mempengaruhi tingkah laku pelajar. Pelajar yang membenci ilmu pengetahuan kadangkala membenci sekolah dan sekaligus prestasi akademiknya menurun.

9.2 Konsep Kendiri Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik

Konsep kendiri sebenarnya adalah pengetahuan, andaian dan perasaan individu pada dirinya. Ia adalah pusat bagi kebanyakkan proses mental. Kesedaran kendiri adalah konsep terpenting dalam psikologi. Seperti yang diketahui umum, konsep kendiri setiap individu adalah berbeza-beza. Namun begitu, tiada kesepakatan berkenaan struktur umum ataupun isi konsep kendiri. Analisis kajian menunjukkan tiada hubungan korelasi antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian ini bercanggah dengan kajian yang telah dijalankan oleh Bailey dan rakan-rakan (1964 dalam Azizi).

Namun begitu, dapatan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Azizi (2008). Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal tetapi tidak menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Ini kerana konsep kendiri dan pencapaian akademik bukan merupakan dua elemen dalam diri

individu yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar secara langsung ataupun tidak langsung. Ini jelas menunjukkan bahawa konsep kendiri tidak memberi apa-apa kesan kepada diri pelajar terhadap pencapaian akademik.

Manakala Wylie's (1960 dalam Azizi) menekankan bahawa bagi mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam bidang akademik perkara yang perlu dibaiki ialah konsep kendirinya terlebih dahulu. Ini adalah kerana konsep kendiri positif akan membentuk cara pemikiran yang positif dan seterusnya tindakan yang positif. Selain itu, konsep kendiri bukan sahaja tertumpu kepada pelajar sahaja malahan termasuk guru-guru. Sehubungan itu, guru-guru terlebih dahulu perlu mempunyai konsep kendiri yang positif bagi menjadi model atau contoh kepada para pelajar.

Menurut pakar-pakar psikologi, seseorang itu tidak membina konsep kendirinya atas kemahuannya sendiri. Konsep kendiri seseorang itu bukan hanya apa yang diciptanya. Sebaliknya individu-individu lain turut mempengaruhi konsep diri individu berkenaan. Ini berlaku apabila seseorang itu menerima maklum balas tentang dirinya daripada individu-individu lain yang berada di sekelilingnya (Ainon, 2004). Di sekeliling pelajar itu ada ramai orang dan sebahagiannya adalah individu-individu yang penting dalam hidupnya, manakala kebanyakkan bukan individu-individu yang penting dalam kehidupannya. Ini bererti bukan semua orang mempunyai pengaruh yang sama besarnya ke atas konsep kendiri seseorang pelajar itu. Ada orang yang kata-katanya sangat mempengaruhi konsep dirinya dan ada individu-individu yang kata-katanya tidak mempunyai kesan langsung ke atas konsep dirinya.

Semasa seseorang itu masih kecil, konsep kendirinya sangat dipengaruhi oleh kata-kata dan maklum balas daripada kedua-dua ibu bapanya. Begitu juga kata-kata dan maklumbalas daripada anggota-anggota keluarga yang lain seperti adik beradik, atuk serta nenek. Tetapi apabila seseorang itu meningkat dewasa ramai individu-individu lain yang mempengaruhi konsep dirinya. Mereka termasuklah rakan sebaya, guru-guru dan jiran tetangga. Dapatan kajian ini menunjukkan konsep kendiri pelajar itu sendiri tidak menyumbang kepada pencapaian akademik. Ini kerana, konsep kendiri pelajar dipengaruh oleh pelbagai faktor.

Sehubungan itu, konsep kendiri individu yang signifikan dan hampir dengan pelajar seperti ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam membentuk konsep kendiri pelajar ke arah kecemerlangan. Ini kerana, kata-kata mereka sangat besar pengaruhnya ke atas konsep kendiri pelajar. Sebagai contoh, pelajar-pelajar yang selalu diberi pujian bahawa dia seorang anak dan pelajar yang rajin, maka dia mempunyai konsep diri seseorang pelajar yang rajin, begitu juga sebaliknya.

Sehubungan itu, ibu bapa dan guru-guru sangat berpengaruh dan memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik pelajar. Keyakinan diri seseorang individu itu bergantung kepada sebanyak mana dia mempunyai maklumat berkenaan dirinya. Di sinilah pentingnya peranan ibu bapa dan guru-guru supaya memberi maklum balas yang secukupnya kepada berkenaan pelbagai kebolehan dan keupayaan mereka.

9.3 Motivasi Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik. Dengan yang demikian, hipotesis nol ketiga yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar diterima. Dalam mencapai sesuatu kejayaan ia tidak hanya berfokus kepada motivasi semata-mata.

Dalam hal ini, motivasi tidak tidak hanya spesifik kepada pelajar tetapi juga kepada guru. Kadangkala berlaku situasi dimana pelajar yang tidak bermotivasi juga boleh mendapat

keputusan yang baik walaupun ia hanya melibatkan segelintir pelajar. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Lee (1997) melaporkan hubungan tidak kangsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pemboleh ubah lain.

9.4 Lokus Kawalan Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik. Dengan yang demikian, hipotesis nol keempat yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar diterima.

Lokus kawalan tidak membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Ini kerana, pelajar yang lokus kawalannya rendah akan mudah terpengaruh dengan persekitaran. Maka tidak hairanlah untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam akademik bukan hanya tertumpu atau bergantung kepada elemen atau faktor lokus kawalan seseorang individu sahaja. Tetapi banyak faktor lain yang lebih tepat menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar contohnya minat, kebolehan dan sebagainya. Secara amnya terdapat dua jenis manusia. Perbezaan ini berlaku mengikut cara individu itu dibesarkan.

Ini kerana, lokus kawalan adalah persepsi individu kepada sebab-penyebab kepada peristiwa yang dilalui mereka sepanjang hidup. Ada individu yang berfikir bahawa mereka mempunyai daya untuk mengawal untung nasib kehidupan mereka dan ada pula yang berfikir bahawa kehidupan mereka dikawal oleh orang lain dan bergantung pada nasib. Terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai keyakinan diri dan kurang cekap di dalam sesuatu perkara yang mereka lakukan dan menunjukkan ciri-ciri neurotik, bimbang dan murung

RUJUKAN

Ainon (2004). *Psikologi Kejayaan*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd: Pahang.

Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd: Pahang.

Azizi Yahaya, Sharifuddin Ismail, Amir Hamzah Abdul & Halimah Ma'alip (2008). *Hubungan di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemahiran Komunikasi Terh Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah Menengah Di Johor Bahru*. UTM: Skudai

Azizi Yahaya dan Jamaludin Ramli (2009). *The Relationship of Self Concept and Communication Skills Towards Academic Achievement among Secondary School Students in Johor Bahru.* International Journal of Psychological Studies. 1(2): 25-34.

Azizi, Y., Jamaludin, R., Yusof, B., Mohammed Najib, A.G. & Zurihanmi, Z. (2009). *Relationship between Dimension of Personality, Self Concept and Family Influence on Students in the Felda Scheme in Johore Malaysia.* European Journal of Social Science. 11(2): 289-301.

Corington & Beery (1984). *Home Learning*. London : Methuen & Co. Ltd.

Covington, M.V. (2000). Goal theory, motivation and school achievement: An integrative review. *Annual Review of Psychology* 51: 171-200.

Ee Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan II*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Eggen P. & Kauchak D (1994). *Educational Psychology- Classroom Connections, 2nd Edition*. USA: Macmillan College Publishing Company.

Habibah Elias (1980). *"Psikologi Pendidikan untuk Perguruan".* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W (1970). *Determining Sample size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement.* 30: 607-610.

Lee, L.H (1997). *Goal orientation, goal Setting, and achievement performance in college students: An integrated model of achievement motivation in school settings.*

Maqsud, M., dan S. Rouhani (1991). *Relationship between Socioeconomic Status, Licus of Control, Self-concept and Academic Achievement of Batswana Adolescents*. Journal of Youth and Adolescence. 24(93).

Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Ghafar (1990). *Penyelidikan Pendidikan.* Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

NurAshiqin Bt Najmuddin (2004). Sikap pelajar matrikulasi terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris. Jurnal Pendidikan.

Pintrich, R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J (1991). *Reliability and predictive validity of the motivated strategies for learning questionnaire (MSLQ*). Educational and Psychological Measurement, 53, 801-813.

Pintrich, P.R & DeGroot, E.V (1990). *Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance*. Journal of Educational Psychology 82 (1): 33-40.

Siti Meriam Ismail & Zanaton Iksan (2002). Persepsi pelajar aliran sains di Sekolah Agama JAIS terhadap pembelajaran dwi kurikulum: Satu Tinjauan di Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (SIRI 1)*, hlm, 214.

Van Zile-Tamsen, C.V (1998). *Examining metacognitive self-regulation within the context of daily academic tasks.* Doctoral Dissertation, The State University of New York, 1998. Dissertation Abstracts International 44 (11A): 3320.